

MAHATHIR-PEJUANG

1983

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA)-- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KESAL DENGAN SIKAP SETENGAH-SETENGAH GENERASI MUDA SEKARANG YANG CUBA MEMPERKECIL-KECILKAN PERJUANGAN UNTUK MENUNTUT KEMERDEKAAN NEGARA INI.

SAMBIL MENSIFATKAN MEREKA SEBAGAI GOLONGAN YANG TIDAK TAHU BERSYUKUR DAN SENGAJA MELUPAKAN PERJUANGAN PARA PEJUANG KEBANGSAAN ITU, BELIAU BERKATA SEMANGAT KEBANGSAAN AKAN LUMPUH JIKA GEJALA TERSEBUT TIDAK DIBENDUNG DARI SEKARANG.

KATANYA GENERASI MUDA YANG MENDAPAT BERBAGAI-BAGAI PELUANG DAN KEMUDAHAN DARI NIKMAT KEMERDEKAAN, TANPA MENGHADAPI APA-APA TEKANAN LAGI, DENGAN MUDAH BOLEH MELUPAKAN PERJUANGAN PARA PEJUANG KEBANGSAAN NEGARA INI.

+MEREKA TIDAK MENGHARGAI PENGORBANAN PARA PEJUANG KEBANGSAAN YANG MENENTANG PENJAJAHAN DI NEGARA INI, MEREKA MEMPERKECIL-KECILKAN USAHA ITU DAN BANGGUP PULA BERKATA NEGARA INI MENCAPI KEMERDEKAAN DI ATAS TALAM EMAS TANPA MENGORBANKAN JIWA,+ TAMBAHNYA.

ITU PANDANGAN YANG SALAH DAN PERLU DIBETULKAN SEGERA, TAMBAH BELIAU DI MAJLIS MERAIKAN PARA PEJUANG MENENTANG PENUBUHAN MALAYAN UNION DI RUMAH MALAYSIA MALAM INI. -- LAGI 2328/OM
NNNN

ZCZC B6871.

MAHATHIR-PEJUANG 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SEPATUTNYA MEREKA MESTI KAGUM DENGAN SEMANGAT DAN PERJUANGAN PARA PEJUANG ITU YANG MENGHADAPI BERBAGAI-BAGAI RINTANGAN TETAPI BERJAYA JUGA MENCAPI MATLAMAT SEHINGGA PENUBUHAN MALAYAN UNION DIBATALKAN.

+MEREKA TIDAK MEMPUNYAI SENJATA, TIDAK MEMPUNYAI ASKAR DAN TIDAK JUGA MEMPUNYAI CERDIK PANDAI UNTUK MENGATUR STRATEGI MENENTANG PENJAJAH KERANA YANG ADA PADA MEREKA HANYA SEMANGAT KEBANGSAAN UNTUK MEMPERTAHANKAN MARUAH BANGSA DAN TANAH AIR,+ TAMBAHNYA.

KATANYA SEMANGAT PERPADUAN ITU LAH YANG PERLU DISEMATKAN DIJIWA SETIAP INDIVIDU BAGI MENJAMIN NEGARA YANG KUKUH DAN PADU DAN BERSATULAH JUGA CARANYA BAGI MENGATASI APAJUA -MASALAH DAN RINTANGAN.

MENYENTUH SEMANGAT KEBANGSAAN, BELIAU BERKATA IA TIDAK BERCANGGAH SAMA SEKALI DENGAN AJARAN ISLAM SEPERTI YANG CUBA DIDAKYAHKAN OLEH GOLONGAN TERTENTU.

KATANYA SEMANGAT KEBANGSAANLAH YANG AKAN MENENTUKAN NEGARA ITU BEBAS DARIPADA BELENGGU PENJAJAH, MEMBELA NASIB MASYARAKAT-NYA DARIPADA DINTINDAS OLEH ORANG LAIN DAN SEUMPAMANYA SEPERTI YANG DIGARISKAN OLEH AJARAN ISLAM. -- LAGI 2331/OM
NNNN

ZCZC B688:

MAHATHIR-PEJUANG 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MEMINTA PARA PEJUANG KEBANGSAAN SUPAYA MENERUSKAN PERJUANGAN MEREKA MEMBETULKAN KEPINCANGAN-KEPINCANGAN YANG LAHIR DARIPADA SALAH FAHAM ATAU SIKAP TIDAK BERTANGGUNGJAWAB GENERASI MUDA TERHADAP PERJUANGAN MENDAULATKAN NEGARA INI.

KATANYA JURANG PEMISAHAN ANTARA GENERASI MUDA DENGAN GENERASI SEBELUM MERDEKA PERLU DIPERERATKAN BAGI MELAHIRKAN MASYARAKAT YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN CINTAKAN NEGARA.

OLEH KERANA ITU JUGA KERAJAAN MENJEMPUT PARA PEJUANG MENENTANG MALAYAN UNION MENJADI TETAMU KERAJAAN DALAM PERAYAAN HARI KEBANGSAAN TAHUN INI SUPAYA GENERASI MUDA INGAT DAN MENGHARGAI PERJUANGAN ITU, TAMBAHNYA.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU BERSAMA-SAMA 420 ORANG PEJUANG MENENTANG MALAYAN UNION IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM DAN DATIN MARIA DAN Pengerusi Jawatankuasa Pusat Sambutan Hari Kebangsaan, Datuk Sanusi Junid. -- BERNAMA 2335/OM